

**PRODUK INOVASI POLITEKNIK MERLIMAU**  
**MENYERLAH DIMATA DUNIA DISIIF 2013**

Pada 27 November 2013 hingga 3 Disember 2013, 3 produk Inovasi dari Politeknik Merlimau telah terpilih oleh Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewakili **Malaysia** dalam menyertai “**Seoul International Invention Fair 2013 (SIIF 2013)**” *Di Seoul, Korea.*

“**SIIF 2013**” merupakan pameran dan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang telah melalui edisi yang ke-12 sejak diperkenalkan pada tahun 2002. Penyertaan adalah melalui Engr. Ruslan bin Abdul Jalil melalui produk inovasi “*Light Bulb Changer*” (UI2013001440), Noorhaslizah Binti Ahmad Rosli melalui produk inovasi “*Pole Cap*” ( PI2010004725) dan Juliawati Binti Jama'on serta Norhafizah Binti Manap melalui produk inovasi “*Smart Water Trap*” (PI2010004971).

Pertandingan tersebut yang telah berlangsung di Dewan COEX, Gangnam-Gu, Seoul, Korea dan hasilnya produk inovasi “**Light Bulb Changer**” telah merangkul **Anugerah Emas**. Lebih mengembirakan produk inovasi berkenaan turut mengalahkan beberapa produk inovasi daripada **U.K, U.S.A, Sweden, Israel, dan Philippines** yang hanya menerima anugerah perak atau gangsa.

Menurut Engr. Ruslan bin Abdul Jalil, pertandingan ini merupakan satu saingan sihat yang mencabar kreativiti perekecsta untuk terus kehadapan dalam menghasilkan idea untuk kelestarian masyarakat dalam kehidupan melalui teknologi dan kemanusiaan. persediaan dan penyertaan dalam pertandingan ini.

